

TPM Beri Komitmen Penuh Atasi Masalah Dadah Di Asia Tenggara

ZAHID HAMIDI – Deputy Prime Minister of Malaysia

October 20, 2016

By Admin

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memberikan komitmen penuh untuk menangani masalah dadah di Asia Tenggara.

Beliau menghadiri majlis perasmian Mesyuarat Kelima Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Dadah (AMMD) di sini hari ini.

Ketibaan Zahid Hamidi yang juga Menteri Dalam Negeri di Grand Waterfront Copthorne disambut oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman Datuk Seri Mohd Mokhtar Mohd Shariff dan Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Datuk Dr Abd Halim Mohd Hussin.

zahid2

Dipengerusikan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Undang-Undang, K. Shanmugam, mesyuarat itu mengumpulkan pemimpin ASEAN untuk bersama-sama berbincang dan bersatu untuk bertindak balas mengatasi masalah dadah serantau.

Mesyuarat Kelima Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Dadah itu merupakan satu daripada program yang telah dipersetujui di bawah Kerangka Kerja ASEAN bagi tempoh 2016-2025.

Inisiatif itu telah dimulakan oleh Thailand yang merupakan negara peneraju di ASEAN mengenai pembanterasannya jenayah pengeluaran dan pengedaran dadah. Perbincangan itu akan melibatkan penyertaan menteri daripada Thailand, Singapura, Myanmar, Vietnam, Laos dan Malaysia.

Ia akan membentangkan pendekatan yang menyeluruh dan seimbang untuk merealisasikan ASEAN Bebas Dadah.

Zahid Hamidi menegaskan bahawa ASEAN sebulat suara menolak cadangan menghalalkan penggunaan beberapa jenis dadah yang dikatakan boleh menjadi usaha mengekang masalah dadah di rantau ini.

“Semua negara anggota berpendirian bahawa cadangan itu tidak dapat dilakukan berikutan terdapat kajian menunjukkan peningkatan peratusan tinggi penggunaan dadah di negara yang membenarkan penggunaan sesetengah dadah.”

Zahid Hamidi berkata, semua pegawai kanan dalam AMMD juga mengambil ketetapan apa yang dicadangkan oleh Singapura iaitu untuk mempelajari antara semua negara anggota dalam usaha menangani masalah penyalahgunaan dadah.

Copyright of Blog at WordPress.com.

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/10/20/tpm-beri-komitmen-penuh-atasi-masalah-dadah-di-asia-tenggara/>